

# Ambil serius teguran PM

BH-30/11/2021

mls:7

**Kuala Lumpur:** Teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob supaya bahasa Melayu diutamakan dalam setiap program diharap menjadi pemangkin supaya bahasa kebangsaan turut diangkat dalam acara antarabangsa walaupun membabitkan penyertaan peserta dan wakil luar negara.

Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Abang Salehuddin Abang Shokeran, berkata teguran Perdana Menteri itu disifatkan sebagai hadiah sangat besar bagi mendukung kedudukan bahasa Melayu seperti diiktiraf Perlembagaan.

Katanya, penggunaan bahasa Melayu boleh dilaksanakan dalam penganjuran acara antarabangsa seperti dilakukan negara luar dengan pembabitkan penterjemah dari Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

“DBP mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas ingatan itu. Ia satu komitmen sangat besar ertinya kepada usaha kita untuk terus memartabatkan bahasa Melayu.

“Penggunaan bahasa Melayu diharap bukan saja dalam acara tempatan, namun turut ditekankan dalam acara antarabangsa seperti dilaksanakan China dan Jepun.

“Kalau kita lihat contoh yang baik sudah ditunjukkan

Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man yang berucap dalam bahasa Melayu pada persidangan antarabangsa di Scotland baru-baru ini,” katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas teguran Perdana Menteri terhadap agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan swasta di negara ini kerana lebih mengutamakan penggunaan bahasa Inggeris dalam majlis, mesyuarat, persidangan, projek dan produk mereka.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta supaya bahasa Melayu digunakan dalam semua acara atau majlis yang dianjurkan dengan meluas selepas ini.

Pada masa sama, Abang Salehuddin berkata, DBP berharap teguran Perdana Menteri itu diambil serius semua agensi kerajaan, GLC dan swasta.

Beliau berkata, melalui pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1

tahun 2020, bahasa Melayu memang perlu digunakan dalam acara rasmi.

Justeru katanya, agensi kerajaan perlu menjadi contoh yang baik kepada swasta dalam memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam acara rasmi.

Sementara itu, Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) menyifatkan teguran Perdana Menteri, sebagai tepat pada masanya.

Presidennya, Aminuddin Awang, berkata pihaknya mendapati pelbagai majlis agensi kerajaan atau GLC dan swasta kini sering mengutamakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu.

“NUTP amat berharap penggunaan bahasa Melayu di sektor kerajaan dapat ditingkatkan. Penggunaan bahasa Melayu dengan betul sangat perlu bagi memastikan ia terus hidup segar dalam pengurusan dan

“Penggunaan bahasa Melayu dengan betul sangat perlu bagi memastikan ia terus hidup segar dalam pengurusan dan pentadbiran semua sektor di negara kita”

**Aminuddin Awang,**  
Presiden NUTP



“Sikap mengutamakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu boleh menjadikan bahasa kebangsaan ‘melukut di tepi gantung’ di tanah watannya sendiri”

**Teo Kok Seong,**  
Felo Utama KITA, UKM



DBP berharap teguran Perdana Menteri diambil serius semua agensi kerajaan, GLC dan swasta.

(Foto hiasan)

pentadbiran semua sektor di negara kita.

“Kita perlu memastikan bahasa Melayu berkembang dan maju selaras dengan pembangunan serta kemajuan negara,” katanya.

Felo Utama, Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Emeritus Datuk Dr Teo Kok Seong, pula berkata sikap mengutamakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu boleh menjadikan bahasa kebangsaan ‘melukut di tepi gantung’ di tanah watannya sendiri.

Beliau berkata, sikap sedemikian perlu diinsafi untuk kelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa negara dalam konteks identiti negara Malaysia dan identiti budaya rakyat Malaysia.

“Rasa bangga, cinta dan setia kepada bahasa negara perlu diwujudkan pada setiap masa melalui penggunaannya.

“Justeru, ada keperluan, malah kemestian untuk menggunakan bahasa Melayu dalam semua urusan oleh semua pihak, khususnya sektor awam,” katanya.